

# Milo anjur program cuba pecah rekod dunia Mei ini

KUALA LUMPUR 12 Mac - Nestle Products Sdn. Bhd. mahu membuat rekod baru dalam *Guinness World Book of Records* dengan menyediakan 'pengambilan minuman malt coklat paling banyak dalam satu hidangan sarapan' pada Mei ini.

Pengarah Eksekutif Unit Perniagaan Tenuusu syarikat itu, Ho Hau Chieh berkata, cabaran itu bakal dijalankan dalam kempen Hari Sarapan Malaysia yang bertujuan mengajak rakyat negara ini mengamalkan pengambilan sarapan pagi bagi menjana gaya hidup sihat dan seimbang.

Menurutnya, matlamat misi itu adalah untuk menyentuh dengan lebih mendalam mengenai kepentingan sarapan sekali gus menyemai tabiat bersarapan di setiap rumah di Malaysia.

"Misi kali ini ialah kesinambungan daripada sambutan membangunkan kempen tahun lalu untuk memperkuatkkan pemahaman masyarakat tentang pentingnya mengambil sarapan di samping cubaan untuk memecahkan rekod dunia.

"Hari Sarapan Malaysia akan men-



HO Hau Chieh (dua dari kanan) bersama Pengurus Pemasaran Pengguna Nestle, Ng Su Yen (dua dari kiri), Pakar Pemakanan Produk Nestle, Nurul Iliani Ahmad (kiri) dan Pengurus Kanan Penjenamaan, Ivy Tan Link Cheh melakukan simbolik pelancaran Sarapan Pagi Milo di Kuala Lumpur, semajam. - UTUSAN/AIZZUL A. MAJID

jadi satu acara sarapan pagi terbesar tahun ini dan merupakan kemuncak kepada pelbagai siri inisiatif yang

telah kami laksanakan melalui kempen Gerakan Sarapan Milo," kata-nya pada majlis pelancaran kempen

itu di sini hari ini.

Hari Sarapan Malaysia bakal berlangsung di Universiti Putra Ma-

laysia (UPM) 5 Mei ini dan akan disambut setiap tahun pada hari Ahad pertama setiap Mei.

Selain menyumbangkan sejumlah 20,000 pak sarapan secara percuma, pengunjung juga boleh menyertai pelbagai aktiviti menarik seperti Larian Sarapan Milo, ceramah daripada pakar pemakanan serta demonstrasi penyediaan sarapan yang mudah dan ringkas.

Hau Chieh berkata, Milo telah menjadi minuman pilihan masyarakat di negara ini lebih 50 tahun lalu dan kini pihaknya berusaha keras untuk memberikan yang terbaik kepada pengguna.

"Milo membekalkan sumber tenaga yang berkhasiat dan tepat bagi rakyat Malaysia memulakan hari mereka dengan betul serta berupaya membekalkan tenaga berterusan sepanjang hari," jelasnya.

Kata beliau, antara usaha lain bagi menjayakan program itu, pihaknya juga akan memberikan sarapan percuma di stesen-stesen kereta api, pusat beli-belah dan juga sekolah-sekolah.